

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN - PAS]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 38)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi melahirkan jaguh sukan pelapis bertaraf dunia dalam sukan badminton.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah melaksanakan Program Pelapis di seluruh negara sejak tahun 2007. Untuk tahun 2014 sebanyak 14 buah pusat latihan negeri (PLN) telah ditubuhkan di seluruh negara di bawah kendalian Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang mengendalikan latihan harian pemain-pemain muda berbakat seramai 448 orang. Manakala seramai 25 orang jurulatih telah diberi tanggungjawab melatih pemain-pemain muda ini supaya mereka dapat merealisasikan potensi sebenar pemain-pemain muda tersebut pada satu hari nanti.
2. Pada masa yang sama atlet-atlet muda terbaik negara telah di tempatkan di Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil (SSBJ) bagi meneruskan latihan di bawah bimbingan jurulatih yang lebih berpengalaman. Seramai 60 orang atlet telah di tempatkan secara sepenuh masa di SSBJ pada tahun 2014 dan mereka sedang menjalani latihan yang intensif di bawah jurulatih BAM.
3. Majlis Sukan Negara juga akan melaksanakan program pembangunan yang bersepadu bersama Persatuan Badminton Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Program pembangunan yang di rancang ini nanti akan melibatkan pusat-pusat latihan negeri, pusat latihan daerah, Sekolah Sukan Negeri dan Sekolah Sukan Malaysia. Pemain-pemain yang berumur bawah 12 tahun juga akan diberi peluang dan ruang latihan melalui Program Penggalakan Sukan (PPS) di bawah Majlis Sukan Negara.

SULIT

4. Dijangkakan seramai 7,400 orang pemain akan dilatih di bawah program ini bagi membentuk kelompok besar pemain pelapis untuk dipilih ke Sekolah Sukan Bukit Jalil. Pemain-pemain muda ini akan diberi latihan yang lebih sistematik di bawah kendalian jurulatih yang berpengalaman. Pihak BAM sudah diminta untuk menyediakan modul latihan yang boleh digunakan di semua pusat latihan yang akan diletakkan di bawah program ini nanti.
5. Pihak Majlis Sukan Negara juga telah mengenal pasti Pengarah Projek yang akan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program ini. Pengarah Projek bersama sekumpulan jurulatih berpengalaman akan merancang, melaksana dan memantau Program Pembangunan MSN/BAM/KPM ini di pelbagai peringkat. Dengan pelaksanaan program pembangunan ini diharap lebih ramai pemain-pemain muda dapat dikenal pasti dan diberi latihan yang sistematik dan mendapat pendedahan pertandingan yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.